

TERJEMAHAN UCAPAN

YANG BERTHORMAT

**DATIN SERI PADUKA HAJAH HAYATI
BINTI POKSDSP HJ MOHD SALLEH**

PEGUAM NEGARA

PADA PEMBUKAAN TAHUN UNDANG-UNDANG

KHAMIS, 23 APRIL 2015

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
بسم الله الرحمن الرحيم

Selamat Pagi.

Yang Amat Arif Ketua Hakim, Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie, Yang Arif Hakim-Hakim, Presiden Persatuan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam, Para Peguam, Tetamu-Tetamu, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Yang Amat Arif,

Pada pagi ini, saya mulakan dengan membaca petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada malam Hari Kebangsaan yang ke-31 pada 22 Februari 2015:

“Pada tahun ini kita masih saja dalam tema: “Generasi Berwawasan”, untuk sambutan Hari Kebangsaan kita yang ke-31.

Tema ini cukup sesuai untuk diteruskan, kerana hakikatnya kita adalah masih dalam usaha untuk merealisasikan wawasan Negara iaitu Wawasan Brunei 2035.

Untuk berjaya, generasi penerus perlulah berwawasan dengan melengkapkan diri bagi menghadapi cabaran-cabaran mendatang.

Di antara cabaran itu ialah memelihara keamanan, suatu kurnia daripada Allah, yang pada sekian lamanya telah kita nikmati bersama-sama. Dengan adanya keamanan tersebut, maka dapatlah kita menjalani kehidupan ini dengan penuh selesa serta dapat juga menyusun dan melaksanakan pelbagai rancangan kemajuan, sehingga kemudiannya menghasilkan buah yang lazat, berupa kemakmuran dan kesejahteraan.”

Majlis yang berlangsung hari ini mengumpulkan sekali lagi pentadbir keadilan dan penjaga kepentingan awam untuk mendukung profesionalisme dan integriti yang diperlukan daripada profesion kita yang mulia ini. Mudah-mudahan kita semua sama-sama dapat mendukung dan mempertahankan amanah yang diletakkan pada sistem kehakiman dan undang-undang kita. Yang turut hadir bersama kita ialah generasi penerus yang akan melanjutkan kerja kita dan pegawai-pegawai yang dahulunya pernah berkhidmat di Pejabat Peguam Negara. Semoga mereka akan menjadi generasi berwawasan, yang akan meneruskan perjalanan kita tanpa menjejaskan nilai teras iaitu 'jujur dan berintegriti, inovatif, adil dan saksama, profesional dan progresif'.

Ucapan tahniah/Penghargaan

Yang Amat Arif,

Pejabat Peguam Negara terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Arif Muhammad Faisal Bin PDJLD DSP Hj Kefli, atas pelantikan beliau sebagai Ketua Majistret.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Arif kerana berjaya melancarkan sistem pengurusan elektronik baru-baru ini yang dikenali sebagai Sistem Pengurusan Kes Jabatan Kehakiman yakni *Judiciary Case Management System* (JCMS). Saya dimaklumkan sistem tersebut bertujuan untuk mengadakan dan menyelenggarakan cara berkesan untuk menguruskan dokumen-dokumen mahkamah dan juga perkhidmatan untuk orang ramai dan komuniti peguam. Sistem ini tidak diragukan lagi akan membolehkan kes-kes diurus dengan berkesan dan didengar dengan cepat. Pegawai-pegawai saya daripada Bahagian Keadilan Jenayah dan juga Bahagian Sivil telah menjalani latihan tentang bagaimana untuk menggunakan sistem tersebut dan saya telah menerima maklum balas yang menggalakkan daripada mereka. Di pihak Pejabat Peguam Negara, kita akan terus meneliti dan memperbaiki Perundingan Kes Jenayah yakni *Criminal Case Negotiations* (CNN) untuk melengkapi objektif JCMS. Kami juga sangat berterima kasih atas sokongan Jabatan Kehakiman dan para peguam jenayah. Saya juga

mengalu-alukan Practise Direction Yang Amat Arif sebagai panduan kami dan juga bagi memastikan keselarasan (consistency).

Dalam ucapan tahun undang-undang saya pada tahun lepas, saya ada menyebut Pejabat Peguam Negara dalam peringkat akhir untuk mempunyai satu sistem aplikasi pengurusan fail mengikut keadaan yang direka untuk memudahkan proses kerja dalaman dan membolehkan pengguna menjalankan tugas rutin dengan lebih cekap dan berkesan. Pejabat Peguam Negara telah memulakan pelaksanaan sistem tersebut yang dikenali sebagai Sistem Maklumat Pejabat Peguam Negara yakni *Attorney General's Chambers Information System* (AIMS) sejak September 2014. Penggunaan teknologi baharu akan berdepan dengan cabaran atau kerosakan sama ada dari segi infrastruktur (rangkaian atau sistem itu sendiri) atau pengguna-penggunanya. Pejabat Peguam Negara sekarang ini sedang menghadapi isu rangkaian dalaman memandangkan infrastruktur kami yang sudah lapuk ini tidak dapat menyokong dengan secukupnya ketersambungan AIMS. Walau bagaimanapun, dengan bantuan agensi-agensi yang berkaitan, saya berharap isu rangkaian tersebut akan dapat diselesaikan sesegera yang boleh kerana kebanyakan sistem IT kini sangat bergantung pada sambungan rangkaian.

Walaupun rekod manual masih digunakan secara meluas dan disimpan oleh Pejabat Peguam Negara, dengan pengenalan AIMS, rekod elektronik beransur-ansur terwujud, terselamat dan tersimpan. Saya percaya penggunaan AIMS amat dialu-alukan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan saya. Lebih penting lagi AIMS boleh dipertingkatkan dan dinaik taraf pada masa hadapan. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Bahagian Pentadbiran dan Unit IT kerana kesabaran mereka mengatasi cabaran-cabaran itu. Sudah barang tentu saya akui IT ialah alat yang sangat berguna untuk membantu kerja kita tetapi akhirnya penggunalah yang akan membuat perubahan yang diperlukan.

Aktiviti-aktiviti pada tahun 2014 dan Usaha Berterusan untuk Menambahbaik

Pada tahun 2014, Pejabat Peguam Negara terus melaksanakan tanggungjawabnya sebagai penasihat undang-undang kepada Kerajaan dan mengusahakan lebih banyak inisiatif untuk menambahbaik penyampaian kami. Salah satunya, yang kami dapati sangat berhasil, adalah untuk membina hubungan kerja yang rapat dengan klien kami. Pejabat Peguam Negara sangat berterima kasih kepada Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan yang berkaitan kerana kerjasama dan kefahaman mereka ke arah usaha bersama dengan lebih baik lagi.

1) Bahagian Penggubalan Undang-Undang (LDD)

Bahagian Penggubalan Undang-Undang terus terlibat dalam menggubal pelbagai bidang undang-undang, antara lainnya, undang-undang persaingan, undang-undang syarikat, undang-undang kesihatan mental dan juga undang-undang yang berkaitan dengan pendidikan. Selalunya menjadi tugas yang mencabar bagi pegawai-pegawai Bahagian ini menyediakan rang undang-undang yang memenuhi jangkaan klien. Pejabat Peguam Negara dengan yang demikian sentiasa memaklumkan klien kami supaya memberikan arahan dasar yang jelas dan juga masa yang munasabah diperuntukkan bagi Pejabat Peguam Negara menghasilkan undang-undang yang jelas dan tepat.

Walaupun Bahagian Penggubalan cuma ada 11 orang penggubal termasuk Penggubal Undang-Undang, Puan Alice Khan, sejumlah 55 undang-undang utama dan tambahan telah disiarkan dalam Warta Kerajaan bagi tahun 2014.

Bahagian Penggubalan Undang-Undang juga terlibat dalam menyediakan undang-undang yang berkaitan dengan Kemudahan Menjalankan Perniagaan seperti Perintah Akta Lesen Rampaian (Pindaan), 2014, Perintah Akta Syarikat (Pindaan), 2014, Perintah Akta Syarikat (Pindaan) (Bil. 2), 2014 dan Perintah Akta Syarikat (Pindaan), 2015.

Sehubungan ini, saya menggalakkan agensi-agensi yang berkaitan supaya mendalami undang-undang mereka dan proaktif dalam menelitinya untuk mengikuti dunia yang semakin berubah serta menjadikan persekitaran kita kondusif untuk perniagaan dan pelaburan berkembang maju.

Tugas lain Pejabat Peguam Negara ialah untuk terus menyemak Undang-Undang Brunei. Dari Januari 2014 hingga Januari 2015 sejumlah 20 Akta dan 23 undang-undang tambahan telah disemak oleh Unit Penyemakan Undang-Undang. Bagi tahun 2015, Unit ini menjalankan 3 kerja penyemakan utama untuk menyemak Akta Syarikat, Kanun Peraturan Jenayah dan Kanun Hukuman Jenayah.

2) Bahagian Sivil

Bahagian Sivil terus menerima bilangan rujukan yang semakin meningkat dari segi menasihati/menyemak dan menggubal kontrak bagi projek-projek Kerajaan, Memorandum Persefahaman serta mendapatkan balik hutang Kerajaan. Perkara-perkara yang dirujukkan itu juga termasuk bidang undang-undang yang rumit dan baru seperti undang-undang maritim dan juga perkongsian awam swasta.

Bahagian Sivil mengadakan satu lagi sesi Muzakarah sebagai sebahagian daripada kesinambungan sesi Muzakarah sebelum ini iaitu Program Mendekati bagi agensi-agensi Kerajaan di Negara Brunei Darussalam. Muzakarah tersebut diadakan dengan kerjasama Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan dan Pusat Kebangsaan E-Kerajaan. Sesi Muzakarah itu dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada Kementerian Pendidikan dan juga jabatan-jabatan di bawahnya. Alhamdulillah Muzakarah itu telah memberikan kepada peserta-peserta kefahaman yang lebih baik mengenai proses penyediaan kontrak serta prosedurnya yang membolehkan Pejabat Peguam Negara memberi nasihat yang kena pada masanya. Saya meminta semua Bahagian untuk terus menganjurkan Muzakarah tersebut sebagai forum terbuka di mana isu dan masalah boleh dibincangkan dan diselesaikan bersama.

3) Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa (IAD)

Sejajar dengan misinya, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa terus menangani pelbagai beban kerja mengenai perkara antarabangsa bagi tahun 2014. Perkhidmatan yang diberikan oleh pegawai-pegawai IAD ialah memberi pendapat undang-undang mengenai isu undang-undang antarabangsa, termasuk menggubal, menyemak dan mentafsir triti, dan obligasi antarabangsa undang-undang dalam membantu perundingan dan juga menghadiri mesyuarat dan persidangan antarabangsa.

Ini termasuklah:-

- i) Pertukaran Nota mengenai pengecualian visa
- ii) Pertukaran Surat
- iii) sebagai sebahagian daripada perwakilan Negara Brunei Darussalam ke *Second Cycle of Universal Periodic Review for Brunei Darussalam* di hadapan Majlis Hak Asasi Manusia pada Mei 2014
- iv) sebagai sebahagian daripada perwakilan Negara Brunei Darussalam ketika Negara Brunei Darussalam dikaji semula oleh Jawatankuasa CEDAW dalam laporan negara kedua dan ketiganya pada tahun 2014
- v) penglibatan dalam beberapa Perjanjian Perdagangan Bebas seperti Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP), Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN Hong Kong.

Pejabat Peguam Negara mendapat penghormatan dengan permintaan berterusan bagi pegawai-pegawai IAD menjadi sebahagian daripada perwakilan Negara Brunei Darussalam dalam mesyuarat-mesyuarat dua hala, serantau dan antarabangsa yang menunjukkan pengiktirafan peranan penting Pejabat Peguam Negara dalam memberi nasihat dan bantuan mengenai perkara antarabangsa, daripada perspektif undang-undang.

4) Bahagian Penyelidikan dan Penelitian Undang-Undang (RLRD)

Sebagai sebahagian daripada skop kerjanya Bahagian Penyelidikan dan Penelitian Undang-Undang menganjurkan bengkel mengenai “Memahami Proses Pembaharuan Undang-Undang” pada tahun 2014. Bengkel itu dimudah cara oleh Mr. Micheal Sayers seorang konsultan pembaharuan undang-undang yang terkenal dan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman tentang proses pembaharuan undang-undang. Bengkel itu menekankan peri pentingnya pembaharuan undang-undang terutama sekali apabila perubahan berlaku di seluruh dunia. Ini memerlukan undang-undang untuk dikemaskinikan, moden, mudah, relevan dan seboleh-bolehnya menjimatkan kos.

Dalam hubungan ini, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pegawai-pegawai dalam Bahagian Penyelidikan dan Penelitian Undang-Undang kerana komitmen mereka yang tidak berbelah bahagi dalam menyampaikan taklimat mengenai Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah pada tahun 2014 di seluruh negara. Saya telah menerima penghargaan bagi mereka daripada agensi-agensi

yang berkaitan dan orang ramai dan saya berterima kasih kepada mereka atas sumbangan mereka yang berharga itu.

5) Bahagian Keadilan Jenayah (CJD)

Selain hadir di mahkamah pada tiap-tiap hari, pegawai-pegawai di bawah Bahagian Keadilan Jenayah sangat sibuk pada tahun 2014 dengan sejumlah permintaan untuk menyampaikan taklimat/ceramah mengenai undang-undang berkenaan dengan jenayah seperti:

- i) pemerdagangan orang
- ii) sistem keadilan jenayah
- iii) keganasan rumah tangga dan penderaan kanak-kanak
- iv) mendapatkan kembali aset
- v) undang-undang maritim

Pada tahun lepas dalam beberapa Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Baginda telah melahirkan kebimbangan mengenai “ancaman siber” khususnya terhadap kanak-kanak dan peningkatan posting dalam talian yang berkemungkinannya berupa hasutan dan subversif. Malah, sebagai sebahagian daripada program kesedaran Pejabat Peguam Negara, pegawai-pegawai Bahagian Keadilan Jenayah telah pergi ke 20 buah sekolah menengah dan institusi pendidikan dengan jumlah pelajar mencapai 5500 orang. Program tersebut yang bermula pada September 2013 juga kini akan dilaratkan ke sekolah-sekolah rendah di negara ini. Permintaan daripada sekolah dan institusi pendidikan telah meningkat dengan ketara sejak kebelakangan ini dan pegawai-pegawai Pejabat Peguam Negara dengan sedaya upaya mereka akan memenuhi permintaan tersebut di samping itu juga perlu mengutamakan kerja teras mereka iaitu melakukan pendakwaan. Projek ini sangat saya minati dan saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pegawai-pegawai kerana kesungguhan mereka meskipun perlu menangani beban kerja mereka sendiri.

Penjenayah yang menyembunyikan wang dan aset mereka di luar negara tidak kebal di sisi undang-undang. Kejayaan penguatkuasaan Perintah Mendapatkan Kembali Manfaat adalah bukti kepada rangka kerjasama antarabangsa yang kukuh dan kuat yang dijalin oleh Negara Brunei Darussalam melalui undang-undang seperti Perintah Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah dan Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah dan juga hubungan kerja yang kuat dan lama terjalin antara Pejabat Peguam Negara, Brunei Darussalam dengan kaunterpartnya. Sehingga November 2014 Pejabat Peguam Negara telah membantu Biro Mencegah Rasuah untuk mendapatkan kembali BND 600,000.00 dalam aset asing yang dimiliki oleh seorang pesalah yang akan dibayar ke dalam Dana Perampasan Aset Jenayah, yang diuruskan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan.

Perubahan undang-undang

Pada tahun 2014 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan pindaan kepada Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

Pindaan tersebut, yang berkuat kuasa pada Oktober 2014 adalah inisiatif Pejabat Peguam Negara sebagai tindak balas bukan sahaja kepada Titah Baginda sempena Hari Kebangsaan ke-30 yang menggesa pihak-pihak berkuasa penguatkuasaan untuk menangani "perbuatan buruk" yang berkaitan dengan undang-undang tetapi juga bertujuan untuk menangani rentetan jenayah yang menjejaskan masjid-masjid dan tempat-tempat ibadah lain.

Saya juga dengan sukacita menyebut pindaan terbaru kepada Aturan-Aturan Ikhtisas Peguam (Kelayakan Lain), 2014. Pindaan itu adalah berhubung dengan pengiktirafan ijazah undang-undang yang dianugerahkan oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali sebagai kelayakan lain untuk membolehkan pelajar-pelajar daripada Universiti itu diterima masuk ke dalam Badan Peguam Brunei dan menjalankan amalan sebagai peguam bela dan peguam cara di Brunei.

Inisiatif/pelan kerja

Sebagai usaha untuk membantu pegawai-pegawai yang baru diambil berkhidmat dan bilangan tinggi pelajar-pelajar yang memohon penempatan di Bahagian Keadilan Jenayah, pegawai-pegawai di Bahagian itu telah sama-sama menyumbang baru-baru ini ke arah penerbitan manual kerja dalaman. Saya sangat memuji inisiatif yang dibuat oleh Bahagian itu.

Pejabat Peguam Negara sekarang ini sedang menjalankan Projek Pengurusan Pengetahuan yang dinamakan Sistem Maklumat Penyelidikan Bersepadu yakni *Integrated Research Information System* (IRIS) yang dengannya penghakiman dan keputusan mahkamah secara bertulis dalam kes-kes jenayah di Negara Brunei Darussalam disusun dengan teliti dalam pangkalan data boleh cari bagi

memudahkan penyelidikan undang-undang kes dibuat dengan senang dan cepat oleh pegawai-pegawainya.

Satu lagi inisiatif CJD yang patut dipuji bertujuan untuk meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan kecekapan ialah penerbitan bulanan dalam talian baru-baru ini senarai Kertas Siasatan yang telah diterima oleh Pejabat Peguam Negara daripada agensi-agensi penguatkuasaan. Ia berfungsi untuk mengesan kes-kes yang dikemukakan kepada Pejabat Peguam Negara supaya agensi-agensi dan pihak-pihak yang berkenaan boleh menyemak sama ada kes-kes mereka telah dirujukkan. Ini boleh didapati dalam tapak web Pejabat Peguam Negara di www.agc.gov.bn.

Latihan

Dalam usaha untuk meningkatkan pengetahuan dalam penterjemahan undang-undang selaras dengan permintaan yang semakin meningkat daripada pihak-pihak yang berkepentingan dan khususnya untuk menyediakan undang-undang Negara Brunei Darussalam dalam bahasa Melayu, Pejabat Peguam Negara telah mengadakan Bengkel Bahasa Melayu pada November 2014 untuk penterjemah-penterjemah. Tugas menterjemah teks undang-undang ke dalam bahasa Melayu

melibatkan tanggungjawab yang berat dan memerlukan disiplin khusus daripada penterjemahan am. Bidang ini memakan masa, memerlukan perhatian yang begitu teliti dan kesabaran, dan sekurang-kurangnya mempunyai pemahaman asas tentang undang-undang yang hendak diterjemahkan.

Pegawai-pegawai penggubalan undang-undang mendapat latihan untuk meningkatkan peranan mereka dalam mentafsir dan mengubah dasar Kerajaan ke dalam undang-undang dengan berkesan. Kursus penggubalan undang-undang telah diadakan selama 3 hari pada November 2014. Kursus penggubalan tersebut telah dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada Bahagian Penggubalan Undang-Undang dan juga Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Autoriti Monetari Brunei Darussalam, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi

dan Universiti Brunei Darussalam. Pegawai-pegawai daripada Pejabat Peguam Negara Malaysia dan Singapura juga turut hadir.

Pejabat Peguam Negara mendapat penghormatan dengan pemilihan 2 orang Penasihat Undang-Undang Kanan, Dyg Hjh Noor Shukhairiyani dan Dyg Hjh Anifa Rafiza baru-baru ini untuk menyertai Program Kepimpinan Pelawat Antarabangsa Jabatan Negara Amerika Syarikat yakni *United States Department of State's International Visitor Leadership Programme* (IVLP) mengenai "Sistem Kehakiman AS". Program tersebut adalah peluang terbaik bagi mereka untuk meneliti persekitaran undang-undang di Amerika Syarikat dan mempelajari tentang cabaran dan trend yang menyentuh sistem undang-undang di seluruh dunia. Kami berterima kasih kepada Kedutaan AS kerana memudahkan penyertaan mereka.

Yang Amat Arif,

Yakinlah Pejabat Peguam Negara akan terus berusaha meningkatkan kualiti dan menyampaikan peranannya untuk memberi nasihat dan menjalankan pendakwaan. Terdapat beberapa langkah yang berjaya tetapi kami memang mengakui ada juga kekurangannya. Tetapi lebih penting lagi kami mengakui masih banyak lagi yang perlu dilakukan ke arah usaha yang lebih baik lagi. Dalam hubungan ini Pejabat

Peguam Negara sangat berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan atas sokongan dan galakan berterusan daripada Jabatan Perdana Menteri kerana memberikan bajet untuk membina keupayaan sejak beberapa tahun yang lalu dengan tujuan kami untuk mencapai kecemerlangan pengetahuan dan kemahiran. Jawatankuasa Sumber Tenaga Manusia akan menumpukan pada latihan secara strategik supaya bajet tersebut digunakan dengan sewajarnya dan pegawai-pegawai serta kakitangan yang layak mendapat manfaat daripada latihan tersebut. Sebagai sebahagian daripada pembinaan keupayaannya, Pejabat Peguam Negara dengan sedaya upayanya akan menjemput pelatih dalam bidang tertentu undang-undang untuk melatih pegawai-pegawai kami secara dalaman yakni *in house*.

Saya juga bangga mengatakan Pejabat Peguam Negara telah menganjurkan Bengkel Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah bagi Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan Pasukan Polis Diraja Brunei untuk memberikan pemahaman asas kepada pegawai-pegawai polis tentang peruntukan-peruntukan Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah dengan tujuan untuk meningkatkan lagi keupayaan mereka apabila menjalankan siasatan ke atas jenayah kewangan dan mengambil tindakan untuk mendapatkan kembali aset sebagai langkah mencegah jenayah. Bidang undang-undang yang mencabar ini telah mendapat perhatian global dan meminta bagi kerjasama antarabangsa dan saya sukacita menggalakkan semua agensi yang berkaitan yang tidak dapat tidak akan berhadapan dengan tugas di bawah Perintah itu supaya menghantar pegawai-pegawai mereka yang berkenaan bagi menjalani latihan yang bersesuaian dan penempatan.

Pejabat Peguam Negara berharap dapat menganjurkan Kursus Latihan Kepeguaman pada minggu terakhir April 2015 sebagai susulan kepada Kursus Latihan Pendakwaan Asas Tahunan untuk membimbing seterusnya pendakwa-pendakwa kami tentang cara-cara untuk meningkatkan kemahiran kepeguaman mereka ketika menjalankan perbicaraan di mahkamah. Kedua-dua kursus ini adalah salah satu manfaat yang mempunyai 'nilai tambahan' bagi pegawai-pegawai yang telah diberikan peluang untuk menjalani latihan luar negeri.

Dalam menyampaikan nasihat undang-undang yang berkualiti dari segi memberikan perkhidmatan penggubalan dan nasihat yang membabitkan kontrak pembinaan, Pejabat Peguam Negara akan mengadakan Bengkel mengenai kontrak pembinaan dan pengurusan kontrak selama 2 hari pada Mei 2015. Objektif Bengkel itu ialah untuk membantu Pejabat Peguam Negara dalam memahami perjanjian dan struktur pembinaan, pelbagai bentuk kontrak pembinaan dan kandungannya, dan isu yang berkaitan dengannya.

Pengambilan, Pengekalan Perkhidmatan dan Latihan Pegawai Undang-Undang

Tahun lepas menyaksikan sebilangan besar pegawai meninggalkan Pejabat Peguam Negara dan ini tidak dapat disangkal lagi telah banyak menjejaskan penyampaian perkhidmatan undang-undang tepat pada masanya kepada klien kami yang terus bertambah bilangannya dan kompleks. Saya amat berbesar hati kepada pegawai-pegawai yang tidak henti-henti terus berusaha menyelesaikan dengan terbaik permintaan-permintaan meskipun kekurangan tenaga manusia. Jawatankuasa Sumber Tenaga Manusia yang dibantu oleh Bahagian Pentadbiran dan Kewangan telah memperkenalkan pelan tindakan baru untuk mengurangkan kadar susutan tenaga kerja profesional dengan melaksanakan Sistem Pengurusan Talen Pejabat Peguam Negara dan telah dengan giatnya berunding dengan Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai cadangan skim perkhidmatan baru bagi pegawai undang-undang, dan kami masih menunggunya. Saya sangat-sangat berterima kasih kepada Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-Jabatan yang berkaitan kerana membantu dalam usaha interim kami ini. Saya mengambil peluang ini untuk meminta jasa baik dan kefahaman Jabatan Perdana Menteri dalam mempercepatkan skim yang dicadangkan itu. Saya bolehlah menyamakan Pejabat Peguam Negara sebagai 'firma guaman' terbesar kerana Pejabat ini memberikan nasihat undang-undang dan menjalankan pendakwaan dan lebih penting lagi membantu Kementerian-Kementerian dalam perundingan berhubung dengan Negara Brunei Darussalam. Dengan yang demikian itu terdapat keperluan segera untuk memberi ganjaran dengan sewajarnya kepada pegawai-pegawai yang berpengalaman, lama berkhidmat, mempunyai talen dan potensi serta sikap baik

dan mempunyai etika kerja yang bagus untuk terus bekerja dengan Pejabat Peguam Negara dan dalam Perkhidmatan Kerajaan. Di pihak Pejabat Peguam Negara, kami berjanji untuk meningkatkan prestasi pegawai-pegawai, kami akan terus mengenalpasti bidang kepakaran undang-undang yang diberikan keutamaan dan rancangan bagi program latihan yang diperlukan. Kami juga akan membina Rangka Kecekapan Pegawai Undang-Undang yang akan digunakan bagi pembinaan keupayaan dan perancangan serta memperkenalkan KPI secara individu yang dinilai bagi setiap 6 bulan dan bukannya bagi setiap tahun.

Kerjaya di Pejabat Peguam Negara

Bagi menggalakkan pelajar-pelajar menimbang untuk berkhidmat dengan Pejabat Peguam Negara, kami telah mengadakan atas permintaan institusi pendidikan tinggi, ceramah kerjaya bagi pelajar-pelajar yang berhasrat hendak mengambil ijazah undang-undang. Pada tahun 2014-2015 Pejabat Peguam Negara telah menyampaikan ceramah kerjaya di 5 buah institusi pendidikan tinggi. Malah pada Februari 2015 saya sendiri bersama dengan 3 orang pegawai turut menyampaikan ceramah di luar negeri bagi pelajar-pelajar yang pada masa ini mengambil jurusan undang-undang di United Kingdom. Kita telah berhasil membuat interaksi dengan pelajar-pelajar Brunei di sana. Pejabat Peguam Negara ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan dan juga Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United Kingdom and Great Britain kerana mengaturkan majlis tersebut. Pejabat Peguam Negara telah juga dijemput oleh Kementerian Pendidikan serta UNISSA bagi menyertai pameran berhubung dengan Pejabat Peguam Negara. Minat yang ditunjukkan oleh para pelajar dan ibu bapa terhadap jurusan undang-undang sebagai kerjaya mereka adalah sangat memberangsangkan dan dialu-alukan oleh Pejabat Peguam Negara kerana Pejabat ini terus berhadapan dengan tugas yang mencabar untuk mengambil dan mengekalkan perkhidmatan peguam yang berkelayakan. Masa depan profesion undang-undang terletak pada generasi masa hadapan peguam-peguam ini. [Izinkan saya segera berkongsi berita baik awda semua akan melihat lebih banyak wanita akan berkhidmat di Pejabat Peguam Negara.]

Kebimbangan utama yang dibangkitkan dalam perjumpaan saya dengan para pelajar undang-undang di London adalah kesusahan mendapatkan tempat untuk mengambil kursus latihan profesional Bar. Pejabat Peguam Negara juga menggalakkan secara berterusan pegawai undang-undangnya yang sedia ada yang setia berkhidmat untuk mendapatkan kelayakan profesional mereka. Pejabat Peguam Negara dengan yang demikian sedang meneliti pilihan lain yang ada dengan bantuan Kementerian Pendidikan dan institusi lain yang berkenaan untuk membantu para pelajar dan pegawai undang-undang ini.

Pejabat Peguam Negara terus menerima banyak sekali permintaan penempatan kerja daripada pelajar-pelajar yang mengambil ijazah undang-undang serta bercita-cita untuk menjadi peguam. Saya gembira menyebut beberapa orang daripada mereka sebenarnya telah pun kembali dan berkhidmat dengan Pejabat Peguam Negara sebagai salah seorang daripada generasi baru peguam.

Masih mengenai perkara ini, Pejabat Peguam Negara sangat berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana membenarkan pegawai-pegawai kami untuk mengambil Masters sebagai sebahagian daripada pendidikan undang-undang berterusan selaras dengan Wawasan Negara iaitu “Wawasan Brunei 2035”. Walau bagaimanapun, saya mengambil maklum beberapa orang pegawai yang layak tidak dapat mengambilnya memandangkan had umur. Oleh kerana umur persaraan telah dilanjutkan kepada 60 tahun, saya sukacita menyarankan supaya pertimbangan dapat diberikan untuk meneliti balik had umur tersebut.

Apakah rancangan masa depan

Pejabat Peguam Negara akan terus memperkukuhkan kerjasama dengan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan dalam usaha bersama ke arah penambahbaikan. Pejabat Peguam Negara berusaha untuk terus melibatkan diri bersama kliennya dan menerbitkan garis panduan dan manual untuk panduan

pegawai-pegawai dan klien-kliennya dalam memberikan nasihat undang-undang dengan memuaskan dan berkesan. Masih dalam perancangan, kami sedang meneliti banyak inisiatif lain yang kami berharap akan mula melaksanakannya. Pejabat Peguam Negara akan terus membina kepakaran di dalam semua Bahagian.

Pejabat Peguam Negara akan terus menampung sebarang permintaan penempatan kerja sebagai sebahagian daripada rangkaian dan perkongsian maklumat dan

pengetahuan ke arah kerja berpasukan dan meningkatkan kerjasama yang berterusan dalam kalangan kita.

Saya sukacita mengalu-alukan penubuhan Pusat Timbang Tara Brunei Darussalam seperti yang diumumkan oleh Jabatan Perdana Menteri pada penghujung tahun lalu. Penubuhan Pusat tersebut adalah untuk menyediakan kemudahan timbang tara dan perkhidmatan pentadbiran dan pengantaraan untuk memenuhi keperluan pengguna domestik dan antarabangsa. Saya juga gembira mengetahui Jabatan Kehakiman juga telah mengadakan latihan mengenai pengantaraan baru-baru ini. Saya mengulangi pandangan Yang Amat Arif supaya budaya pengantaraan patut dipupuk dan litigasi seharusnya menjadi jalan terakhir. Dengan perkembangan terbaru ini saya berharap Negara Brunei Darussalam akan mempunyai pilihan atau jalan lain untuk menyelesaikan pertikaian secara alternatif yang praktikal dan ekonomikal. Ia juga akan menggalakkan timbang tara dan perkhidmatan pengantaraan diterima pakai dalam menyelesaikan isu dan pertikaian perdagangan sebagai alternatif yang lebih cepat daripada prosiding sivil di mahkamah.

Saya sangat berterima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara atas sokongan dan ketekunan mereka yang berterusan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Sumber Tenaga Manusia, Jawatankuasa Aktiviti Keagamaan, Jawatankuasa Sosial dan Sukan. Sebenarnya Sukan Antara Rumah Pejabat Peguam Negara baru sahaja selesai. Saya gembira melihat hubungan rapat antara pegawai dengan kakitangan meskipun dengan semangat pertandingan. Saya dimaklumkan pemenang tahun ini adalah pasukan “Red Dragons” yang diketuai oleh Yang Mulia Awang Haji Mohd Yusree. Tahniah saya ucapkan. Saya juga menyampaikan ucapan terima kasih Pejabat Peguam Negara kepada Yang Amat Arif dan Jabatan Kehakiman, Persatuan Undang-Undang dan semua agensi penguatkuasaan, Kementerian-Kementerian atas sokongan dan kerjasama mereka. Mudah-mudahan kita semua dapat menunaikan tanggungjawab yang terletak di bahu kita dan mempertahankan integriti pekerjaan kita yang mulia ini dengan sedaya upaya yang termampu, dengan rasa hormat-menghormati dan kerjasama dan di pihak kita untuk memimpin dan mempersiapkan generasi masa hadapan untuk menjadi ‘Generasi Berwawasan’ demi kebaikan

Negara Brunei Darussalam seperti yang diharapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Akhir kalam, saya dan semua warga Pejabat Peguam Negara, mengucapkan kepada Yang Amat Arif, semua peguam dan semua yang hadir semoga tahun 2015 ini mendatangkan kebahagiaan, kesihatan dan kejayaan.

وبالله التوفيق والهداية ، السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih.